

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N29 DATOK KERAMAT
EXCO PEMBANGUNAN MODAL INSAN, SAINS DAN TEKNOLOGI

Selamat pagi dan salam Malaysia Madani,

Berdirinya saya dalam dewan persidangan yang mulia ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk berucap dan menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

YB Dato' Yang Di Pertua,

Pembangunan modal insan, sains dan teknologi di negeri Pulau Pinang memberi sumbangan yang besar dalam memacu kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara. Justeru, benarlah isu-isu pembangunan modal insan, sains dan teknologi sentiasa mendapat perhatian umum dan acap kali ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan di Sidang Perbahasan hari ini. Seboleh mungkin saya akan memberi penjelasan sepenuhnya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan di samping ulasan ringkas beberapa isu serta cadangan yang ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini.

YB Sungai Bakap telah melahirkan kebimbangan berkaitan dengan kekurangan perhatian kerajaan negeri kepada pembangunan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Sebelum ini, izinkan saya membuat penjelasan terlebih dahulu bahawa Kerajaan Pulau Pinang amat mengambil serius dan juga telah banyak mengambil inisiatif mengatasi isu pembangunan modal insan STEM di negeri Pulau Pinang yang dapat menguasai pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dari peringkat sekolah rendah ke sekolah menengah. Hal ini dikatakan demikian kerana Kerajaan Pulau Pinang sedar bahawa Malaysia kini telah menjadi tumpuan dunia sebagai lokasi pelaburan teknologi. Pada masa yang sama, isu modal insan STEM juga antara dibangkitkan dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) ke-31 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, proses untuk melahirkan modal insan mengambil masa 10 hingga 15 tahun sebelum murid itu dapat menyumbang kepada industri di negara kita. Mesyuarat NCIA ini juga menekankan bahawa ia bukan mengenai universiti lagi, ia adalah mengenai sekolah rendah dan menengah rendah itu sendiri. Oleh itu, kerajaan negeri sedar jika kita tidak bermula pada usia awal untuk membangunkan modal insan untuk menguasai STEM , maka sudah terlambat. Sebagai contoh, baru-baru pada 28 Mac tahun ni semasa menyaksikan Pengarah Urusan Jabil Penang menyampaikan sumbangan berupa tajaan perjalanan sebanyak RM50,000 kepada wakil pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Pasir, Arash Badlishah Huzainol Hisham yang berumur 17 tahun bagi menyertai pertandingan First Tech Challenge (FTC) World Championship. YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Tn Chow Kuan Yow turut telah mengumumkan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada sekolah tersebut.

YB Dato' Yang Di Pertua,

Bukan itu sahaja, Kerajaan Pulau Pinang juga menyediakan Penang Future Foundation, yang dimungkinkan melalui sumbangan daripada sektor swasta dan individu, yayasan ini juga menyediakan program biasiswa yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian mereka di Malaysia khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Hal Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk membendung isu penghijrahan individu berbakat tinggi ataupun lebih dikenali sebagai 'brain drain' dengan izin dan memupuk Pulau Pinang sebagai hab bakat. Walaupun biasiswa ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira bangsa, agama dan jantina, tetapi keutamaan akan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak daripada keluarga bujang, berpendapatan rendah dan sederhana. Setelah berjaya menamatkan pengajian, penerima biasiswa ini dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada dalam sektor swasta atau awam. Penerima biasiswa yayasan ini bagi kategori Penang Scholar, akan mendapat elaun bulanan sebanyak RM800 sebulan dan tajaan yuran pengajian tidak melebihi RM100,000 bagi keseluruhan program berdasarkan jumlah sebenar invois oleh universiti. Bagi kategori Mutiara Scholar pula, mereka akan mendapat elaun bulanan sebanyak RM500 sebulan dan tajaan yuran pengajian tidak melebihi RM60,000 bagi keseluruhan program. Perbezaan antara kategori

Penang Scholar dan Mutiara scholar adalah Penang Scholar ini dibuka kepada mereka yang telah mendapat keputusan yang cemerlang di peringkat pra-universiti iaitu mendapat CGPA sekurang-kurangnya 3.67 dengan jumlah hasil pendapatan rumah setahun tidak melebihi RM100,000 manakala untuk kategori Mutiara Scholar adalah dibuka kepada mereka dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana tetapi telah mendapat CGPA sekurang-kurangnya 3.00 di peringkat pre-universiti mereka.

YB Dato' Yang Di Pertua,

Umum mengetahui, Pulau Pinang dikenali sebagai Lembah Silikon Timur dengan mempelopori industri E&E dan pembuatan. Bagi meneruskan kesinambungan ekosistem ini, Pulau Pinang memerlukan lebih ramai bakat-bakat teknikal yang terlatih untuk menyokong industri sedia ada di negeri ini, di samping menarik lebih banyak Foreign Direct Investment (FDI) baharu. Selain itu, banyak syarikat multinasional (MNC) di Pulau Pinang memfokuskan kepada matlamat yang sama iaitu ke arah memperkasakan kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman (DEI) dalam tenaga kerja mereka. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Pusat STEM seperti Penang Science Cluster antaranya telah melancarkan program Girls in Engineering & Technology (GET) untuk menggalakkan pelajar-pelajar perempuan sekolah menengah atas untuk menceburi pengajian dan kerjaya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan. Saban tahun, seramai 150 hingga 200 pelajar perempuan dari Pulau Pinang akan menyertai Program GET menerusi latihan selama sembilan (9) bulan melalui tajaan dan sokongan daripada 15 syarikat yang terlibat yang secara tidak langsung memupuk minat, khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan mereka.

YB Dato' Yang Di Pertua,

Penang Skills Development Centre (PSDC) juga kekal memainkan peranannya sebagai sebuah institut latihan terulung di Pulau Pinang. Tumpuan PSDC adalah untuk membolehkan industri tempatan mendapat tenaga kerja yang sesuai. Oleh yang demikian, PSDC menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dan panjang serta seminar dalam bidang teknikal, soft skills dan IT bagi mewujudkan pasaran tenaga

kerja yang berkualiti dan berkemahiran tinggi. Inisiatif ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan negeri untuk menyokong agenda TVET di negeri Pulau Pinang.

YB Dato' Yang Di Pertua

Berkenaan dengan cadangan YB Sungai Bakap, iaitu mewujudkan 'Geran STEM Anak Pulau Pinang', saya ingin mengucapkan terima kasih atas cadangan yang konstruktif ini. Kerajaan negeri sentiasa membuka pintu kepada idea-idea baharu yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Saya sebagai EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi akan membawa cadangan ini ke mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang akan datang. Setelah cadangan ini dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, saya akan mengemaskini mengenai perkembangan terkini cadangan ini dalam mesyuarat DUN yang akan datang. Maklumat lanjut mengenai keputusan dan tindakan susulan akan dikongsi supaya semua pihak maklum tentang status dan perancangan seterusnya.

YB Dato' Yang Di Pertua,

Setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan tentang perkara-perkara yang menyentuh portfolio pembangunan modal insan, sains dan teknologi yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya sedar terdapat beberapa perkara yang tidak sempat saya jelaskan tetapi akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas perhatian, teguran, dan sokongan berterusan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap usaha untuk menyediakan Pulau Pinang ke arah pembangunan modal insan seperti yang disasarkan oleh pucuk pimpinan tertinggi negara tercinta, Malaysia Madani.

Sekian, terima kasih.

Nyiew Yan Zhang

N29 Dato Keramat

Sidang Muda 2024